



SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN MALAYSIA SDG CITIES NETWORK DAN SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023 MEMFOKUSKAN AGENDA PEMBANGUNAN MAMPAN DAN DAYA HUNI KOMUNITI BANDAR

KUCHING, 6 NOVEMBER 2023 – Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah menyempurnakan Majlis Pelancaran SDG Cities Network dan Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 (SHHS 2023) di Hikmah Exchange Event Centre (HEEC), Kuching, Sarawak petang ini.

Malaysia SDG Cities Network merupakan sebuah rangkaian baharu yang terdiri daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), organisasi dan komuniti yang berusaha ke arah Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDGs) di Malaysia. Ia merupakan komitmen global ke arah masa depan yang lebih mampan, berdaya tahan dan inklusif.

Menurut YB KM, “Majlis Pelancaran SDGs ini turut mengiktiraf dan menghargai peranan dan usaha 45 bandar melalui PBT masing - masing yang telah berjaya menyediakan Pelan Hala Tuju Bandar SDGs, mempamerkan kemajuan melalui Voluntary Local Reviews (VLR) dan membina kapasiti mempercepatkan pelaksanaan SDGs di Malaysia.”

Perkongsian pelbagai pihak berkepentingan dalam merumuskan rangka kerja pembangunan yang lebih holistik dilihat dapat mempercepatkan pelaksanaan SDGs menjelang 2030. Selain memastikan agenda pembangunan generasi masa hadapan, aspek kemakmuran, kesejahteraan komuniti dan daya huni komuniti khususnya di bandar adalah tidak dipinggirkan.

Bersempena dengan itu juga, KPKT turut meraikan Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 (SHHS 2023) yang disambut di seluruh dunia pada bulan Oktober setiap tahun. KPKT merupakan *National Focal Point* yang bertanggungjawab menyelaras aktiviti UN-Habitat di Malaysia sejak tahun 1985.

Penganjuran SHHS 2023 bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat serta pengurus bandar berkenaan kepentingan membangunkan petempatan manusia yang

selamat, kondusif dan berdaya huni. Ia juga bagi menggalakkan dan memupuk budaya masyarakat bertanggungjawab dalam membentuk masa depan tempat tinggal dan bandar yang mampan.

2023 merupakan tahun yang mencabar bagi ekonomi bandar berikutan penguncupan ekonomi global sebanyak 2.5%. Melihat kepada sumbangan bandar kepada ekonomi negara, masa hadapan negara bergantung kepada kemakmuran ekonomi bandar di negara tersebut.

YB KM turut berkata, “Bagi memastikan perkembangan dan pemulihan ekonomi mampan, negara memerlukan bandar yang boleh menyerap, memulih dan bersedia menghadapi kejutan ekonomi masa hadapan. Justeru, Sambutan Hari Habitat Sedunia pada tahun ini mengangkat tema **Ekonomi Bandar Berdaya Tahan: Bandar Sebagai Pendorong Pertumbuhan dan Pemulihan (*Resilient Urban Economies: Cities as Drivers of Growth and Recovery*)**.”

Pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan oleh KPKT dengan kerjasama pelbagai pihak sebagai pengisian sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 iaitu Anugerah *National Scroll of Honour For Human Settlements 2023*, Pertandingan Photojournalism, Pertandingan Melukis Poster “Bandar Idaman Saya” Peringkat Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah Tahap 2, *Special Session World Habitat Day Forum di Malaysia Urban Forum 2023 (MUF 2023)*, Aktiviti Plogging di Taman Tasik Shah Alam bersama pelajar UiTM serta promosi SHHS 2023 di *Kuching Car Free Morning* dan *KL Car Free Morning*.

KPKT komited menjayakan agenda pembangunan mampan melalui pelbagai polisi dan inisiatif yang telah dirancang. Ini bagi meletakkan negara sentiasa berada di hadapan dan di landasan yang tepat dalam agenda perbandaran mampan dan sejagat di pentas global.

#MalaysiaMADANI

#StrongerTogether

#DemiPertiwi

#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

